

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Kim Kian Enterprise (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Sabah bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menghalang meter elektrik daripada merekodkan dengan sepenuhnya penggunahabisan elektrik, iaitu dengan membuat pintasan pada fasa merah, kuning dan biru pada terminal meter. Pada 27 Ogos 2025, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000.00 dan OKS telah membayar denda tersebut.